

Oleh Basir Zahrom dan
Suhaila Shahrul Annuar
bhvarsiti@bh.com.my

Putrajaya


inisiatif BH menganjurkan Anugerah Ikon Varsiti BH disifatkan sebagai satu usaha kreatif bagi menge- san bakat cemerlang pelajar universiti dalam pelbagai bidang.

Timbalan Menteri Pendidikan II, P Kamalanathan, berkata ikon yang dipilih akan mewarnai barisan kepimpinan muda yang dina-mik dan mempu- nyai jiwa yang 'tajam' bagi memartabatkan pembang- nan bangsa dan negara.

"Peranan akbar seperti BH amat besar dalam meles- tarikan pembangunan pen- didikan di semua peringkat dan pengenalan Anuge- rah Ikon Varsiti sebagai pemangkin semangat pelajar untuk terbabit secara aktif bukan saja dalam bidang akademik, malah kokurikulum.

Sokong usaha

"Diharap penganjuran anu- gerah ini mampu mencapai objektif sebenar dan Kemen- terian Pendidikan akan



Kamalanathan (dua dari kanan) menyampaikan Anugerah Perdana Ikon Varsiti kepada Mohd Hafiz sambil diper- hatikan oleh Badrulhisham (kanan) serta Pengarah Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan, Ibrahim Ali (kiri).

Usaha kreatif **kesan** **bakat pelajar**

“
DIHARAP
PENGANJURAN
ANUGERAH INI
MAMPU MEN-
CAPAI OBJEKTIF
SEBENAR DAN
KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
AKAN TERUS
MEMBERIKAN
KERJASAMA ”

P Kamalanathan,
Timbalan Menteri
Pendidikan II.

terus memberikan kerjasama dan menyokong usaha terbaik seperti ini," katanya ketika berucap pada Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Ikon Varsiti BH 2013, di sini, baru-baru ini.

Turut hadir ialah Timbalan Pengarang Kumpulan BH, Badrulhisham Othman, Ketua Pegawai Eksekutif Putrajaya Holdings (PjH), Datuk Azlan Abdul Karim dan Naib Presiden Pembangunan Organisasi, Bank Rakyat, Mohd Haliemy Sapari.

Sementara itu, Badrulhisham berkata, pengiktirafan BH kepada penuntut institusi pengajian tinggi dapat dijadikan contoh kepada generasi muda lain, bersesuaian dengan gelaran diberikan iaitu Ikon Varsiti.

Beri inspirasi

"Kejayaan pelajar sama ada secara individu atau berkumpulan diharap mampu memberi inspirasi kepada pelajar lain untuk mencapai kecemerlangan yang setanding," katanya.

Anugerah ditaja Bank Rakyat dan PjH itu mempertandingkan dua kategori iaitu individu dan berkumpulan membabitkan 10 anugerah termasuk kepemimpinan, sukan, inovasi sosial, reka cipta, keusahawanan, kesukarelawanan, projek

rah Perdana Ikon Varsiti yang menawarkan hadiah wang tunai RM10,000 berserta piala yang mana dimenangi oleh Mohd Hafiz Ariffin, 25, dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Johor Bharu.

Anugerah Ikon Varsiti BH 2013 juga menyediakan anugerah khas iaitu Anugerah Pilihan Pembaca (Kategori Akhbar) dan Anugerah Pilihan Pembaca (Kategori Online).

P Kamalanathan (kanan) sambil diperhatikan Badrulhisham (dua dari kanan mengunjungi pameran Ikon Varsiti BH 2013.



Prof Yuserrie (empat dari kanan) bermesra dengan pemenang Anugerah Ikon Inovasi Sosial, Siti Hawa Apandi (far right) sambil diperhatikan pemenang lain.



INFO

Senarai nama pemenang Anugerah Ikon Varsiti BH 2013

- ◎ Anugerah Perdana Ikon Varsiti
Mohamad Hafiz Ariffin (Universiti Tun Hussein Onn Malaysia)
- ◎ Anugerah Pilihan Pembaca (Kategori Akhbar)
Muhd Muzakkir Afiq Musa (Universiti Pendidikan Sultan Idris)
- ◎ Anugerah Pilihan Pembaca (Kategori Online)
Syed Saddiq Syed Abdul Rahman (Universiti Islam Antarabangsa Malaysia)

Kategori individu

- ◎ Anugerah Ikon Kepemimpinan
Muhd Muzakkir Afiq Musa (Universiti Pendidikan Sultan Idris)
- ◎ Anugerah Ikon Sukan
Anwarrul Aswad Ahmad (Universiti Putra Malaysia)
- ◎ Anugerah Ikon Kesukarelawanan
Mohamad Hafiz Ariffin (Universiti Tun Hussein Onn Malaysia)
- ◎ Anugerah Ikon Pengantarabangsaan
Chia Wen Shin (Universiti Putra Malaysia)
- ◎ Anugerah Ikon Keusahawanan
Mohamad Shamirul Afiq Murat (UNIKL-Royal College of Medicine)
- ◎ Anugerah Ikon Reka Cipta
Muhammad Razif Abdul Razak (Universiti Sains Malaysia)
- ◎ Anugerah Ikon Inovasi Sosial
Siti Hawa Apandi (Universiti Malaysia Pahang)

Kategori berkumpulan

- ◎ Anugerah Ikon Khidmat Sosial
UTM-ISL Bogra (Universiti Teknologi Malaysia)
- ◎ Anugerah Ikon Seni Budaya
Kumpulan Gamelan Gema Gangsa UIAM (Universiti Islam Antarabangsa Malaysia)
- ◎ Anugerah Ikon Inovasi
De Noona's (Universiti Sains Islam Malaysia)



Anugerah Perdana dan Anugerah Ikon Kesukarelawan

“

SAYA JATUH CINTA DENGAN AKTIVITI KESUKARELAWAN SEJAK MENJADI AHLI PENGAKAP DAN SYUKUR KERANA BERPELUANG MEMBANTU MEREKA YANG MEMERLUKAN SEKALI GUS MENAMBAH PENGALAMAN DALAM BIDANG INI”

Mohamad Hafiz Ariffin,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Anugerah Ikon Kepemimpinan

“

KEMENANGANINI PENGiktirafan kepada pencapaian sebelum ini dan menjadi penyuntik semangat atau landasan untuk saya terus aktif dalam dunia kepemimpinan”

Muhamad Muzakkir Afiq Musa,
Universiti Pendidikan Sultan Idris



Anugerah Pilihan Pembaca (Kategori Online)

“

SAYA BERSYUKUR ATAS KEMENANGANINI. TERIMA KASIH KEPADA YANG MENGUNDI DAN MEREKA YANG TERUS MEMBERI SOKONGAN MORAL”

Syed Saddiq Syed Abdul Rahman,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Anugerah Ikon Sukan



ANUGERAH INI MEMBERI SEMANGAT BAHRU KEPADA SAYA UNTUK TERUS BERJUANG DALAM BIDANG SUKAN BUKAN SAJA DALAM RAGBI, SEBALIKNYA SUKAN LAIN”

Anwarrul Aswad Ahmad,
Universiti Putra Malaysia



“WANG YANG DIPEROLEH MENERUSI KEMENANGANINI AKAN DIMANFAATKAN BAGI MEMBIAYAI PROJEK BAHRU SAYA BERKAITAN BIODIESEL”

Chia Wen Shin ,
Universiti Putra Malaysia



Anugerah Ikon Reka Cipta



TERIMA KASIH KEPADA PENYELIA, PROF DR ABDUL LATIF AHMAD DAN RAKAN PENYELIDIK SAYA, MEOR MUHAMMAD HAFIZ SHAHBUDIN YANG BANYAK MEMBERI SEMANGAT DAN SOKONGAN DALAM MENJAYAKAN PENYELIDIKAN”



**Muhammad Razif
Abdul Razak,**
Universiti Sains Malaysia



Anugerah Ikon Keusahawanan

MENGIKUTI JURUSAN PERUBATAN BUKAN HALANGAN UNTUK MENCipta KEJAYAAN DALAM BIDANG KEUSAHAWANAN DAN KEMENANGAN INI DIHARAP DAPAT DIJADIKAN INSPIRASI KEPADA PELAJAR LAIN”

Anugerah Ikon Inovasi Sosial

“SEBAGAI PELAJAR OKU, BANYAK CABARAN PERLU DILALUI DAN ALHAMDULILLAH, RAMAI YANG SUDI MEMBANTU TERUTAMA PENSYARAH DAN IBU BAPA YANG SENTIASA MEMBERI SOKONGAN”

*Siti Hawa Apandi,
Universiti Malaysia Pahang*

**HADIAH UTAMA
KATEGORI BERKUMPULAN
ANUGERAH IKON KHIDMAT SOSIAL**

RM 5,000

Anugerah Ikon Khidmat Sosial

“KEMENANGANINI SATU PERMULAAN YANG BAIK. EKSPEDISI PERTAMA KAMI DI BANGLADESH DAN SIRI KEDUA AKAN MENYUSUL BAGI MENERUSKAN BANTUAN DAN KHIDMAT KEPADA GOLONGAN YANG KURANG BERNASIB BAIK DI NEGARA BERKENAAN”

*UTM-ISL Bogra,
Universiti Teknologi Malaysia*